



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 DISEMBER 2018 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- 'MPAJ tak pernah kutip duit'

24



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 DISEMBER 2018 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	'MPAJ tak pernah kutip duit'
Muka Surat	24

'MPAJ tak pernah kutip duit'

SH 4/12/18 M/s 24.

*Kawasan tidak
sesuai berniaga,
membahayakan
orang ramai*

AHMAD ISMADI ISMAIL

PANDAN INDAH

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menafikan dakwaan ada pihak yang dipercayai cuba mengutip bayaran daripada peniaga.

Kutipan itu juga dikatakan bertujuan membenarkan mereka berniaga di atas Bukit Ampang.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, pihaknya mengambil serius dakwaan berkemungkinan ada individu yang menyamar sebagai anggota atau pegawai MPAJ mengutip bayaran tersebut.

Menurutnya, perkara tersebut diketahui selepas dibangkitkan Ahli Majlis MPAJ namun sehingga kini belum ada pihak yang tampil membuat aduan kepada MPAJ.

"MPAJ menafikan anggota kita terlibat dengan kutipan



Penguatkuasa MPAJ menyita barangan peralatan peniaga yang diletakkan di dalam semak.

bayaran dan berjanji untuk memberi kelulusan kepada peniaga tersebut. Mereka dinasihatkan jangan membuat bayaran kepada mana-mana pihak," katanya.

Beliau turut menegaskan peniaga tersebut keluar daripada tapak di Bukit Ampang, sebelum tindakan diambil oleh pihak berkuasa tempatan tersebut.

"Kita telah melaksanakan penguatkuasaan ke atas peniaga di Bukit Ampang sejak 2013. Kita juga telah mendak-

wa sembilan peniaga di mahkamah kerana ingkar dan tidak mematuhi notis MPAJ," katanya.

Menurutnya, MPAJ tidak boleh memberi kelulusan kepada peniaga Bukit Ampang kerana kawasan itu tidak sesuai.

Beliau memaklumkan lokasi itu berada berhampiran jalan utama yang membahayakan kepada orang ramai, selain sempit dan tidak boleh diletakkan kerusi atau meja di tebing bukit.

Menurutnya, kawasan itu juga tidak mempunyai sumber bekalan air bersih.

Abd Hamid berkata, pihaknya turut mendapati peniaga menyimpan peralatan termasuk pinggan mangkuk di dalam semak.

"Kita khuatir ia tidak bersih, kemungkinan kawasan itu ada lipas atau tikus, ia berisiko tinggi kepada pelanggan yang menikmati hidangan di situ," katanya.

Beliau berkata, peniaga juga masih berdegil untuk



ABD HAMID

mengosongkan tapak tersebut dan mencari tapak lain bagi mereka menjalankan perniagaan.

"Sebelum ini kita pernah memindahkan para peniaga ini ke Ampang Waterfront, namun mereka enggan berpindah ke sana," katanya.

Menurutnya, MPAJ tidak ada cadangan tapak sesuai untuk peniaga tersebut tetapi mereka boleh berniaga di pasar malam atau lokasi lain yang lebih sesuai termasuk gerai MPAJ jika ada kekosongan.

Dalam perkembangan lain, Abd Hamid berkata, penguat kuasa MPAJ dijangka akan melaksanakan operasi bersepadu bersama anggota polis bulan ini.

info

- Pelaksanaan penguatkuasaan sejak 2013
- Sembilan peniaga didakwa
- Peniaga simpan barang dalam semak

"Pihak berkenaan akan menyaman kenderaan yang meletakkan kenderaan di bahu jalan sekitar Bukit Ampang, tindakan pengunjung yang parkir di bahu jalan ini berkemungkinan boleh menyebabkan kemalangan kepada pengguna jalan raya lain," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis MPAJ, Salmah Ismail berkata, MPAJ telah menjalankan penguatkuasaan sejak sekian lama, namun isu itu masih belum selesai.

"Tinjauan saya baru-baru ini mendapati ada penambahan meja di lereng bukit, dari segi keselamatan, ia memang membahayakan.

"Jadi, saya harap pihak yang bertanggungjawab dapat mengambil tindakan tegas terhadap peniaga ini," katanya.